


Sunday, February 24, 2013

# Majlis Perundingan Rakyat di Flat Seri Rinching




Hari ini, Majlis Perundingan Rakyat (MPR) telah diadakan di pangsapuri kos rendah Seri Rinching, Flat ini terletak di Bandar Rinching Seksyen 5. Seramai lebih kurang 50 penghuni telah hadir ke perjumpaan ini.

En. Azman, selaku pengerusi JMB di flat ini telah membantu kami untuk perjumpaan ini. Beliau juga telah mengucapkan terima kasih kepada Sdr. Arul kerana sudi hadir ke flat mereka untuk mendengar masalah para penduduk.

Menurut En. Azman, Flat ini dibina pada tahun 2007 dan terdapat tiga unit blok iaitu blok B, C dan F. Kebanyakan penduduk adalah penduduk tempatan segelintir adalah warga asing. Flat ini turut disewa oleh para pelajar dari Kolej VETA.




Beliau turut memaklumkan bahawa, JMB di flat mereka baru ditubuhkan dan berharap mereka akan mendapat kerjasama daripada para penduduk untuk melaksanakan tugasan mereka.

Pemaju Flat ini adalah National Land



Finance Co-Operation Society (NLFCS) seolah-olah tidak bertanggungjawab menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku di kawasan flat ini. Malah, ada juga rumah kedai yang dimiliki mereka dipenuhi dengan air akibat permasalahan paip. Kedai ini dipenuhi air dan air melimpah keluar dari kedai ini.





Kawasan flat ini juga dipenuhi dengan rumput-rumput dan lalang-lalang yang panjang. Akibatnya, para penduduk berhadapan dengan bahaya ular-ular berbisa. Tiada pihak yang bertanggungjawab untuk




## Hubungi Kami (Contact)

**EMAIL**
psmsemenyih@gmail.com

**TEL**
**03-87237791**
012-3797310
019-2612259

**WAKTU OPERASI**
Isnin: 10 am -6 petang
Perjumpaan bersama Sdr Arul setiap hari Selasa selepas 12 pm

## Facebook

PSM Semenyih
718 followers
Followed

## Twitter

Tweets from @PSMenyih12

Nothing to see here - yet

When they Tweet, their Tweets will show up here.

View on Twitter

## Sumbangan Tabung Perjuangan Rakyat

memotong rumput-rumput ini demi menjaga keselamatan para penduduk.

Antara isu lain yang diungkitkan adalah seperti berikut:




- Lampu Jalan tidak nyala
- Bonggol Jalan
- Jalan berlubang
- Longkang sumbat
- Bumbung rosak
- Pembiakan nyamuk

Sdr. Arul cukup bangga dengan para penduduk yang begitu aktif memberi aduan serta memberi pandangan. Beliau memaklumkan bahawa isu-isu yang dikemukan ini akan dimajukan kepada pihak-pihak tertentu agar isu penduduk dapat diselesaikan. Selepas perbincang, Sdr. Arul bersama JMB telah mengadakan lawatan serta memantau kawasan flat ini.



Posted by PSM Semenyih at 2/24/2013 05:00:00 PM

## No comments:

Post a Comment

Newer Post Home Older Post

Subscribe to: Post Comments (Atom)



Hong Leong Bank - 20100019070

### CUKAI GST: CUKAI YANG MISKINKAN RAKYAT




### Kategori

- Alam Sekitar (1)
- BERSIH (3)
- Kenali PSM (3)
- Mahasiswa (4)
- Perumahan (5)
- Program (2)
- PRU13 (9)
- Videos (3)

### Local Links

- Website PSM
- Pemuda Sosialis
- PSM Sg Siput
- PSM Kajang
- PSM Kota Damansara
- PSM Cameron
- PSM Jelapang
- Zon 18 MBSA (PSM)
- SUARAM